

25/06/2001

Pemimpin peringkat bawahan sambut baik ikrar perhimpunan

KUALA LUMPUR, Ahad - Beberapa pemimpin Umno pada peringkat bawahan menyambut baik ikrar Perhimpunan Agung Umno semalam untuk mematuhi sebarang keputusan pucuk pimpinan parti bagi memastikan kemenangan pada pilihan raya umum 2004.

Di JOHOR BAHRU, Timbalan Ketua Umno Bahagian Gelang Patah, Abdul Rahim Abdul Rahman, berpendapat ketidaktaatan terhadap keputusan presiden parti mengenai calon menjadi antara punca utama calon Umno kalah dalam pilihan raya umum.

Sehubungan itu, beliau meminta ahli Umno menjadikan pengalaman pemilihan calon oleh presiden untuk bertanding pada pilihan raya umum 1999, sebagai pengajaran.

"Ada ahli tidak bersetuju dengan keputusan pemilihan calon oleh presiden menjadi seperti 'duri dalam daging'. Mereka yang mempersoalkan keputusan presiden bukan saja tidak menyokong, malah bertindak menjatuhkan calon berkenaan," katanya.

Dalam ucapan penggulungan semalam, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, ahli parti mesti sanggup membuat segala-galanya untuk menjayakan bangsa dengan mengenal pasti masalah, sebab kegagalan, kelemahan dan seterusnya membuat satu resolusi untuk dilaksanakan oleh setiap orang.

"Kalau nak tentukan parti menang, jangan sayang kepada presiden saja tetapi juga taat kepada presiden. Presiden tidak ada kepentingan lain melainkan menjamin kemenangan.

"Orang yang saya pilih tidak bagi satu sen pun kepada saya. Apabila pilih calon, saya minta kita berikrar jangan soal lagi sama ada sesuai atau tidak," kata Dr Mahathir yang disambut tepukan gemuruh perwakilan.

Timbalan Ketua Umno Bahagian Mersing, Zainal Abidin Osman, berkata mesej disampaikan Dr Mahathir cukup jelas iaitu meminta semua ahli berdisiplin dan mematuhi segala arahan presiden, sekali gus bekerja lebih keras bagi mencapai kejayaan.

Sebagai tunjang kekuatan BN, katanya, ahli Umno perlu bekerja dua atau tiga kali ganda lebih kuat berbanding orang lain, jika mahu diiktiraf sebagai parti teras dalam kepimpinan BN.

"Amat tepat sekali apabila presiden sendiri meminta supaya segala keputusannya ditaati dan dilaksanakan dengan penuh ikhlas demi kepentingan parti dan bangsa Melayu," katanya.

Ketua Umno Bahagian Sri Gading, Datuk Mohamad Aziz, berkata ketaatan kepada presiden seperti disarankan Dr Mahathir harus ada pada setiap pengikut bagi membolehkan segala perancangan dilaksanakan dengan berkesan.

"Dalam apa jua organisasi, taat kepada pemimpin negara, kepada ketua parti politik dan kepada ibu bapa dalam rumah tangga. Sifat ini sesuai dengan tuntutan Islam dan harus menjadi pegangan ahli Umno.

"Taat kepada pemimpin parti politik bermakna kita menjalankan tugas dan tanggungjawab parti yang membawa kebaikan. Ia adalah satu daripada cabang disiplin yang menjadikan sesebuah organisasi itu kukuh," katanya.

Di ALOR STAR, pemimpin Umno Kedah menyifatkan ucapan penggulungan Dr Mahathir sebagai peringatan kepada orang Islam dan Melayu untuk terus berjuang memastikan agama, bangsa dan negara berada di kemuncak kegemilangan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tanjong Seri, Fadzil Hanafi, berkata ahli memang wajar mentaati pemimpin peringkat tempatan, negeri dan

presiden parti.

"Rakyat yang sayang dan taat kepada pemimpin serta presiden parti saja dapat membuktikan kedudukan agama, bangsa dan negara berada pada kedudukan terbaik.

"Ini bermakna ahli sedia membantu dan menyokong setiap pembangunan dilaksanakan untuk rakyat dan memastikan pilihanraya depan semua calon BN berjaya," katanya.

Ketua Wanita Umno Bahagian Alor Star, Sharifah Maznah Syed Kassim, pula berkata taat kepada presiden adalah tanggungjawab ahli Umno.

"Jika tidak taat kepada presiden bermakna menipu diri sendiri dan secara langsung menjadi musuh kepada parti," katanya.

Exco Puteri Umno negeri, Nurzatul Iffah Hassan, berkata ahli parti patut menghormati dan taat kepada presiden untuk menjadikan Umno terus unggul dan rakyat negara ini hidup harmoni.

(END)